

Menjejaki Seni Tarian Suku Kaum Masyarakat India: Tarian Bharatanatyam

Nurul Rasyidah Mohamad Hussin
Nur Aziera Mohd Zain
Mohd Nizam Yunus
Siti Noorsiah Jamaludin

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Tarian Tradisional India mempunyai enam jenis tarian iaitu bharatnatyam, odissi, kathakali, kathak, mohiniyattam dan kuchipudi. Tarian bharatanatyam ialah satu tarian kuno yang berasal daripada bahagian Selatan India di kawasan Tamil Nadu. Kelembutan dan penganjurannya menyebabkan seni tarian kuno ini menjadi terkenal. Tarian klasik Bharatanatyam adalah merupakan satu tarian penuh dengan perasaan tradisional, yang memerlukan penari untuk menguasainya. Tarian ini memakan masa selama beberapa tahun, kerana anda mesti mempelajari pergerakan kaki, mata dan tangan untuk memberikan sepenuh kegemilangan tarian tradisional kuno yang mulia ini. Objektif kajian tentang tarian bharatanatyam adalah untuk mengkaji dalam setiap pergerakan tarian bharatanatyam itu mempunyai simbol-simbol yang tertentu seperti gerakan tangan, kaki, pernyataan perasaan pada muka dan gerakan yang kompleks. Selain itu, dapat mengenal pasti tarian bharatanatyam ini dipersembahkan secara solo atau berkumpulan dan yang terakhir ialah untuk mengkaji sumbangan dan pencapaian tokoh dalam bidang tarian tersebut.

Kata kunci: *Tarian Tradisional India, Tarian Bharatanatyam, Tarian Klasik*

Abstract

Traditional Indian dance has six types of dances namely Bharatanatyam, odissi, kathakali, kathak, mohiniyattam and kuchipudi. The Bharatanatyam dance is a

classical dance originally from the Tamil Nadu province in the southern part of India. This is one of the oldest dance arts known for its softness and organization. Bharatanatyam classical dance is one of the dances full of tradition, which requires the dancer to master this dance. This dance should take years as there are various hand, foot and eye movements that must be learned to perform this revered old heritage dance in full and full of glory. The objective of the study of Bharatanatyam dance is to study in each movement the Bharatanatyam dance has certain symbols such as hand, foot movements, expressions of feelings on the face and complex movements. In addition, to be able to identify this Bharatanatyam dance is performed solo or in groups and the last is to study the contribution and achievements of figures in the field of dance.

Keywords: *Traditional Indian Dance, Bharatanatyam Dance, Classical Dance,*

PENGENALAN

Tarian Tradisional India mempunyai enam jenis tarian iaitu bharatnatyam, odissi, kathakali, kathak, mohiniyattam dan kuchipudi. Dalam kajian ini kami memfokuskan kepada satu tarian sahaja iaitu tarian bharatanatyam. Tarian Bharatanatyam merupakan satu gerak tari India tradisional. Tarian tradisional Bharatanatyam merupakan satu daripada tarian yang penuh dengan rasa tradisional dan mementingkan para penari menguasainya. Tarian tradisional memerlukan masa yang lama, jadi sebilangan orang memerlukan beberapa tahun untuk menguasainya, kerana untuk mempelajari teknik ini, gerakan tangan, kaki dan mata, anda mesti mempelajari pelbagai tarian tradisional kuno yang mulia.

Asal usul tarian adalah dari kawasan Tamil Nadu di selatan India. Secara tradisinya, tarian tradisional India ini dipersembahkan secara berseorangan dari seorang penari wanita. Dikatakan bahawa Bharata Natyam merangkumi, ritual, ketaatan dan muzik dalam bentuk penglihatan. Tarian ini tidak dapat dipisahkan dalam pertunjukan dalam muzik carnatic oleh kerana ia merupakan satu dari lima gaya hebat, termasuk elemen air Odissi dan elemen udara Mohiniyattam. Pergerakan tarian Bharata Natyam yang asli serupa dengan api.

Persembahan tarian yang lengkap ini merangkumi enam tahap, iaitu Alarippu (persembahan Tara, ucapan pendek oleh para penari, berkat Tuhan,

persembahan dengan berkat), Jatiswaram (tarian abstrak, irama dram). Di sini, para penari mempunyai gerak tubuh yang kompleks dan sopan dengan kemahiran pergerakan kaki), Sabdam merupakan tarian yang disertai dengan puisi soleh, lagu atau luahan cinta, Varnam pula adalah pusat kawasan persembahan merupakan tempat terpanjang persembahan yang terlibat dengan kerumitan tindakan. Kedudukan tangan dan badan bercerita, biasanya cinta dan keinginan untuk cinta), hapus (bahagian paling seksi dalam persembahan, aspek-aspek yang memerlukan penari untuk menyatakan cinta iaitu cinta terhadap yang maha kuasa dan cinta ibu untuk anak-anak, untuk kekasih cinta dan kasih sayang dan Tarian murni (nritta), merupakan bahagian terakhir adalah Tirana yang merupakan kemahiran muzik luar biasa yang tercermin dalam pergerakan kaki yang kompleks dan pergerakan penari yang menawan. Tahap-tahap ini menggabungkan unsur-unsur Nritta atau Pure Dance dan Nritya (riak muka).

PEMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tentang tarian bharatanatyam ini dengan lebih mendalam tetapi terdapat beberapa permasalahan kajian yang diperolehi dalam kajian kami. Apa yang kami dapati pada zaman dahulu tarian bharatanatyam ini pernah merosot pada zaman pemerintahan British kerana persembahan tarian ini dianggap berunsurkan negatif, ia sebagai mentah, tidak bermoral dan rendah diri kepada konsep tamadun Barat (Kaverijeni, 2016). Pada pendapat kami mengapa isu permasalahan ini timbul adalah kerana cara pergerakan tarian ini dipersembahkan sebagai contoh pergerakan mata, kaki, tangan dan ekspresi muka yang menunjukkan unsur tidak terbatas.

Selain daripada itu, permasalahan yang kedua ialah tarian bharatanatyam ini sukar untuk dipelajari. Untuk memahirkan diri mereka bukanlah mudah bagi seseorang penari itu dalam tarian klasik ini. Tarian ini memerlukan masa yang bertahun lamanya untuk seseorang penari itu menguasai berbagai gerakan tangan, kaki, mata dan ekspresi muka. Tarian bharatanatyam juga sering dipersembahkan secara solo (Sarah Sahidin, 2013). Oleh itu, sifat keberanian dan keyakinan perlu ada bagi seorang penari yang ingin menari dalam tarian bharatanatyam ini. Pada pendapat kami, isu ini bukanlah menjadi satu penghalang kepada mereka yang mahu belajar tarian

ini kerana melalui temubual kami bersama tokoh, beliau mengatakan bahawa untuk mempelajari tarian tersebut ia bergantung sepenuhnya kepada individu tersebut. Bagi untuk menguasai silibus pembelajaran tarian ini, pelajar itu seharusnya belajar mengikut langkah yang ditetapkan. Sebagai contoh, di sini bermaksud pelajar itu sendiri tidak boleh melangkau silibus dan memotong kelas yang ditetapkan. Bukan itu sahaja, pelajar itu sendiri perlu mempraktikkan setiap ajaran yang diberikan di rumah supaya latihan itu dapat disempurnakan dengan baik.

Permasalahan kajian yang ketiga kami dapati ialah tarian bharatanatyam ini kurang menggunakan alatan muzik. Berdasarkan temubual kami, tokoh memberitahu bahawa tiada penggunaan alat muzik jika tidak diperlukan ia bergantung kepada tarian yang dipersembahkan sebagai contoh jika tarian itu mempunyai tema tersendiri. Kami dapati juga kebanyakan alatan yang digunakan adalah dari buatan sendiri. Jika alatan muzik itu buatan sendiri, kos yang diperlukan adalah lebih murah dan jimat berbanding mereka perlu mengeluarkan sejumlah kos yang besar.

Yang terakhir ialah kami dapati tarian bharatanatyam ini kekurangan tenaga pengajar. Disebabkan tarian bharatanatyam ini susah untuk dipelajari oleh itu ia memerlukan tenaga pengajar yang ramai. Sebagai contoh, untuk pelajar yang dari umur empat tahun sehingga enam tahun, mereka memerlukan lebih banyak perhatian untuk mempelajarinya. Jadi jika tenaga pengajar berkurangan maka akan menjadi satu punca juga kepada pelajar tersebut sukar untuk belajar dengan lebih cepat. Pada pendapat kami, pihak bertanggungjawab perlu mengambil lebih banyak lagi tenaga pengajar yang berada di Malaysia agar lebih diberi pendedahan kepada tarian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Untuk mengkaji dalam setiap pergerakan tarian bharatanatyam itu mempunyai simbol-simbol yang tertentu seperti gerakan tangan, kaki, pernyataan perasaan pada muka dan gerakan yang kompleks.
- b) Untuk mengkaji sumbangan dan pencapaian tokoh dalam bidang tarian tersebut.

- c) Untuk mengenal pasti tarian bharatanatyam ini dipersembahkan secara solo atau berkumpulan.

PERSOALAN KAJIAN

- a) Apakah keistimewaan tarian bharatanatyam?
- b) Apakah sumbangan tokoh dalam bidang tarian bharatanatyam?
- c) Bagaimanakah tarian bharatanatyam dipersembahkan?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, kami melihat dengan lebih mendalam tentang tarian yang dilakukan oleh masyarakat Malaysia iaitu kaum India. Keunikan kepercayaan masyarakat Malaysia dalam tarian yang dipersembahkan anda boleh belajar dan menghargai dari kajian yang kami jalankan. Beri keutamaan kepada sejarah asal tarian, kostum dan alat muzik yang digunakan untuk tarian tersebut.

Kepentingan penyelidikan ini dibuat agar kita dapat memahami dan menghormati kepercayaan, budaya dan seni setiap suku di Malaysia. Tidak kira bangsa atau bangsa, semua orang boleh menari. Pada masa kini, sebilangan anak muda belajar secara profesional, ada yang tidak. Bagaimanapun, membiarkan masyarakat India belajar tentang sejarah, budaya dan seni itu sendiri adalah simbol komuniti India, jadi masyarakat juga memahami dan menghayati epik dan urusan agama.

Selain daripada itu, ramai yang tidak endah bahawa berkait rapat dengan kesihatan. Menurut penulis (Kaverijeni, 2016), bharathanatyam juga dapat melindungi kesihatan kita dan membantu aliran darah dengan lancar. Selain itu, semasa tarian, jantung berdegup dengan keras, dan darah mengangkut oksigen melalui darah ke seluruh tubuh. Walaupun tarian ini menjaga tubuh dalam keadaan baik, kita juga berpeluh.

Pakar profesion tarian (Shanti, 2013) turut menegaskan hujahnya bahawa sesiapa sahaja yang menarikan Bharatanatyam, mata dan otak akan berfokus dan menyebabkan pembelajaran juga menjadi cemerlang. Di samping itu, badan dapat

menguatkan otot-otot badan secara fleksibiliti dan mengurangkan berat badan. Penari bharatanatyam selalu menjaga disiplin diri, keperibadian dan hobi yang kuat, supaya ingatan selalu bertumpu pada perkara positif.

Saranan kami kepada pihak berkuasa agar terus mempertahankan tarian ini supaya terus diamalkan kepada generasi akan datang. Sebagai generasi muda yang mementingkan seni dan budaya, kami berharap agar generasi muda hari ini dapat mempelajari dan menghayati tarian tradisional ini, agar dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dan berbangga dengan generasi akan datang.

Melalui kajian ini sumbangan yang dapat diberikan ialah kita dapat berkongsi ilmu pengetahuan tentang tarian bharatanatyam lebih spesifik kerana menurut kajian lepas kebanyakannya kajian tentang tarian bharatanatyam ini terlalu kurang dan umum. Dengan kajian ini harap dapat memberi ilmu yang baharu kepada pembaca dan generasi akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam mengkaji kajian ini kami dapati tarian bharatanatyam ialah satu tarian klasik yang asalnya dari kawasan Tamil Nadu di bahagian Selatan India ini adalah antara seni tarian tertua yang terkenal kerana kelembutan dan penganjurannya. Tarian Bharatanatyam ini dikatakan telah wujud sejak 3,000 tahun yang lalu menurut Natya Shastra, iaitu disertasi tertua yang mengumpul catatan mengenai tarian. Menurut laman web katamalaysia.com (2020), dewa-dewa dan dewi-dewi meminta Brahma (pencipta mengikut kepercayaan Hindu) untuk membentuk satu lagi Veda yang boleh difahami, dilihat dan didengar oleh semua.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tentang tarian bharatanatyam ini dengan lebih mendalam tetapi terdapat beberapa pernyataan masalah yang diperolehi dalam kajian kami. Apa yang kami dapati tarian bharatanatyam ini tidak ada kajian yang khusus untuk tarian ini. Kebanyakannya yang kami dapati tiada yang spesifikasi terhadap tajuk tarian ini kerana ia hanya menceritakan secara umum sahaja sebagai contoh maksud tarian tersebut, sejarah dan jenis tarian sahaja. Antara kajian yang kami jumpai ialah tesis daripada (Premalathan Thiagarajan, 2011), yang menceritakan tentang pembangunan

tarian bharatanatyam di Malaysia tetapi tesis ini ditulis dalam bahasa inggeris. Selain itu kami dapati terdapat juga kajian tentang tarian tetapi tajuk kajian lebih mengkhususkan kepada upacara thaipusam masyarakat tamil. Artikel ini ditulis oleh (Karnaen & Yosie, 2017). Tambahan pula, kami dapati terdapat juga kajian berkaitan tentang tarian ini tetapi artikel ini memfokuskan kepada eksperimentasi visual dimana ia lebih kepada ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian bharatanatyam ini. Kajian ini adalah daripada (Thiviya Arumugam, 2018).

Seterusnya, kami dapati masyarakat tidak mendapat pendedah berkaitan dengan tarian bharatanatyam dengan lebih meluas kerana tiada kajian yang spesifik berkaitan dengan tarian bharatanatyam ini. Kesan daripada masalah ini masyarakat tidak dapat memperolehi atau mempelajari tarian ini. Sebagai contoh, maklumat yang kami dapati adalah kebanyakannya maklumat yang tidak terkini dan membuatkan masyarakat merasa kurang percaya.

METODOLOGI

Melalui metodologi sejarah lisan kami menemu bual tokoh di rumah beliau menggunakan platform atas talian iaitu *Google Meet*. Kami menemubual beliau pada tarikh 3 Disember 2020 iaitu pada hari Khamis selama dua jam. Pada pukul 10.30 pagi temubual kami bermula dan tamat pada pukul 12.30 tengahari. Sebanyak seratus soalan berhubung dengan tarian bharatanatyam telah disediakan dalam temubual ini. Setiap soalan yang dikemukakan telah dijawab dengan jelas dan padat berkenaan dengan tarian bharatanatyam. Selain itu, temubual ini turut dirakam menggunakan platform atas talian iaitu *google meet*. Temubual ini akan ditranskripsikan dalam bentuk buku untuk dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pengkaji lain.

Tokoh dalam bidang yang dikaji ialah Puan Ratnauma A/p Manogram. Peranan yang dimainkan oleh beliau di dalam bidang tarian bharatanatyam ini adalah sebagai guru tarian dan juga seorang penari. Puan Ratnauma menceburi dalam bidang tarian ini selama lima tahun atas minat sendiri dan dari dorongan keluarga. Mengapa kami memilih beliau untuk ditemu bual adalah kerana beliau menuntut ilmu di negara India dan membawa tarian bharatanatyam ini ke Malaysia. Beliau juga mempunyai lima cawangan kelas tarian di sekitar Perak. Selain itu, yang mengagumkan kami tokoh pernah menghantar pasukan tarian anak murid

beliau ke negara India. Beliau juga turut bertanding dan memperolehi kemenangan di sana.

Sumbangan beliau ialah melalui daripada pencapaian yang diperolehinya iaitu *Bharatanatyam Best Performer Award* pada tahun 2009 dan *Best State School Award* pada tahun 2016 dan sehingga kini beliau masih berkecimpung dalam bidang tarian ini.

HASIL KAJIAN

Pengalaman tokoh dalam bidang tarian

Puan Ratnauma mempunyai pengalaman dalam bidang tarian ini selama lima tahun, beliau merupakan seorang guru dan penari. Sebelum ini beliau juga banyak menyertai pertandingan yang diadakan. Pencapaian yang beliau perolehi ialah *Bharatanatyam Best Performer Award* pada tahun 2009 dan *Best State School Award* pada tahun 2016. Beliau tidak mempunyai masalah dalam membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya. Bagi pengalaman beliau selama menjadi guru tarian ialah apabila beliau perlu mengajar murid yang berumur empat hingga enam tahun adalah perkara yang mencabar. Selain daripada bidang tarian beliau juga meminati bidang masak. Dorongan yang membuatkan beliau terlibat kearah ini adalah dari dorongan ibu dan abangnya.

Mengenai tarian bharatanatyam

Tarian Bharatanatyam adalah salah satu tarian kuno India yang berasal dari kawasan Tamil Nadu di selatan India. Ia dipanggil tarian agama India pada abad ke-21. Menurut kepercayaan orang Hindu Tamil, tarian ini adalah salah satu tarian kuno tertua di India kerana pernah ditari oleh Dewa Siwa dan telah menjadi popular di masyarakat Hindu Tamil di seluruh dunia. Bharatanatyam bermaksud seni penceritaan elegan, suci dan gaya pergerakan yang lembut.

Tarian bharatanatyam ialah persembahan tarian yang lengkap ini terdiri dari enam tahap, yang disebut Alarippu merupakan dari persembahan Tala dan kata-kata pendek oleh para penari. Ia seperti memanggil yang Maha Kuasa untuk mensejahterakan persembahan tarian ini. Yang kedua ialah Jatiswaram

iaitu gerakan dan rentak kompleks yang menyusun gerak-geri irama tarian. Di sini, penari menampilkan kemahiran pergerakan kaki yang rumit dan gerak-geri tubuh yang sopan. Yang ketiga adalah Sabdam. Ia merupakan tarian diiringi oleh puisi atau lagu yang bersifat kebaktian atau tema cinta kasih dan keluarga. Seterusnya ialah Varnam merupakan bahagian persembahan yang paling lama dan melibatkan pergerakan yang kompleks serta rumit. Gerakan jari-jemari dan badan meluahkan rasa, biasanya cinta dan kerinduan untuk kasih sayang. Selain itu ialah Padam. Padam merupakan bentuk persembahan yang paling menawan yang memerlukan penari meluahkan segelintir aspek cinta iaitu kecintaan kepada Maha Kuasa atau kasih ibu untuk anak, atau kasih dan cinta bagi kekasih. Thillana adalah yang terakhir. Bahagian terakhir adalah tarian tulen (nritha) yang merupakan kemahiran luar biasa muzik dicerminkan dalam pergerakan kaki yang kompleks dan pergerakan penari yang menawan. Peringkat-peringkat ini menggabungkan elemen Nritha atau tarian tulen dan Nrithya iaitu tarian ekspresi.

Tarian bharatanatyam ini boleh dipersembahkan secara berkumpulan tetapi jika dipersembahkan secara solo ia lebih menunjukkan keyakinan yang lebih kepada diri sendiri dan bakat. Setiap pergerakan tarian bharatanatyam ini juga mempunyai simbol-simbol yang tertentu seperti gerakan tangan, kaki, pernyataan perasaan pada muka dan gerakan yang kompleks. Gambar rajah 1 menunjukkan salah satu contoh pergerakan tarian dan gambar rajah 2 menunjukkan contoh tarian solo.



Gambar 1: Salah satu contoh pergerakan tarian



Gambar 2: Tarian solo

Dalam tarian bharatanatyam ini tiada penggunaan alatan muzik kerana kebanyakannya tarian ini menggunakan lagu daripada *Compact Disc* sahaja. Jika ada penggunaan muzik dalam tarian bharatanatyam ini, maka mereka akan hasilkan pembuatan alat muzik itu sendiri. Selain itu, terdapat juga beberapa jenis alatan muzik yang dimainkan semasa mempersembahkan tarian bharatanatyam ini iaitu dholak. Dholak ialah sejenis alat gendang dua muka berbentuk tong yang dikategorikan sebagai alat membranofon. Dholak ini juga dimainkan adalah untuk mengiringi muzik rakyat. Seterusnya ialah tabla. Tabla dan baya dikategorikan dalam kumpulan membranofon. Tabla dan baya ini bukan sahaja dimainkan di dalam muzik karnatik dan hindustan di Malaysia malah digunakan untuk mengiringi muzik- muzik sinkretik seperti ghazal dan dangdut. Sitar juga merupakan sejenis alat muzik dalam kategori membranofon. ia merupakan sejenis *lute* (*lute* adalah instrumen tali yang dipetik dengan leher dan punggung bulat yang dalam yang menutupi rongga berongga, biasanya dengan lubang suara atau bukaan di badan. Ia mungkin gelisah atau tidak terbuka yang berleher panjang dengan tujuh tali logam diregangkan di atas sebuah jambatan yang panjang. Peranan alat muzik sitar sangat penting di dalam muzik hindustan. Yang terakhir ialah tambura. Tambura dikategorikan sebagai alat membranofon. Tambura selalunya dimainkan di dalam persembahan (Siti Rafidah Gimin). Gambar 3 merupakan alat muzik dholak, gambar 4 merupakan alat muzik tabla, gambar rajah 5 pula

adalah alat muzik sitar dan yang terakhir ialah gambar rajah yang 6 iaitu alat muzik tambura.



Gambar 3: Dholak



Gambar 4: Tabla



Gambar 5: Sitar



Gambar 6: Tambura

Dari segi pakaian pula, untuk tarian bharatanatyam ia memerlukan pakaian yang seragam ketika mempersembahkan tarian tersebut. Kostum Bharatanatyam sangat cantik dan berwarna-warni. Pada zaman dahulu tarian dilakukan pada majlis-majlis khas, di istana raja dan di kuil-kuil selama hari-hari perayaan. Menurut teks dan patung kuno, kostum tarian asli tidak menutupi sebahagian besar badan penari. Terdapat beberapa jenis kostum bharatanatyam, dipakai sesuai dengan tema tarian dan keselesaan untuk pergerakan penari. Gaya kostumnya sama. Gambar 7 merupakan contoh kostum bharatanatyam.



Gambar 7: Kostum Bharatanatyam

Bukan itu sahaja, alat solek, barang kemas dan set rambut juga adalah perhiasan yang wajib bagi mereka. Alat solek untuk seorang penari bharatanatyam sangat unik, harus menampilkan tema tarian pada pergerakan wajah. Garis-garis berat dilukis di sekitar mata dan menjadi gelap dan memanjang ke luar alis. Keseluruhan prestasi Bharatanatyam kebanyakannya berdasarkan pergerakan mata dan kening. Oleh itu, alis menghiasi untuk melihat pergerakan dengan jelas, maka penonton dengan mudah melekat pada tarian. Pewarna merah digunakan pada hujung jari kaki, hujung jari, dan telapak kaki. Warnanya juga dilekapkan di telapak tangan dalam bulatan yang kukuh. Hiasan warna merah ke kaki dan tangan menekankan pergerakan tangan dan kaki. Manakala untuk barang kemas, penari Bharatanatyam memakai set perhiasan yang unik sangat menarik dalam memfokuskan mata penonton. Gambar rajah 8 menunjukkan contoh set barang kemas dan gambar rajah 9 ialah contoh set rambut.



Gambar 8: Set barang kemas



Gambar 9: Set rambut

Cabaran mengajar atas talian

Seperti mana yang kita hadapi sekarang ini iaitu pandemik *covid-19*, Puan ratnauma masih meneruskan kelas tarian tersebut. Puan Ratnauma mengajar mereka dengan menggunakan platform atas talian iaitu aplikasi *Whatsapp video call*. Setelah menggunakan platform atas talian, beliau mengambil masa untuk mengajar mereka selama satu jam seorang murid. Cabaran setakat ini yang beliau hadapi semasa mengajar mereka secara atas talian ialah masalah sambungan internet yang terganggu dan masalah pelajar yang tidak dapat memasuki kelas. Beliau menghadapi cabaran mengajar secara atas talian dari segi capaian internet yang terhad ialah menggunakan inisiatif iaitu megajar mereka secara individu. Beliau juga mengizinkan pelajarannya untuk berkongsi pembelajaran yang diajarnya bersama rakan yang tidak dapat hadir ke kelas atas talian. Terdapat di kalangan murid yang tidak dapat meneruskan kelas tarian ini setelah ianya bertukar secara atas talian. Puan Ratnauma menggunakan media sosial seperti youtube sebagai rujukan kepada anak muridnya. Ibu bapa murid memberi sokongan pembelajaran tarian ini secara atas talian.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, negara Malaysia adalah negara yang mempunyai berbagai seni budaya yang menunjukkan gaya kehidupan masyarakat berbagai kaum. Salah satunya kelebihan seni budaya di Malaysia seperti tarian bharatanatyam ini harus diterapkan dan diperkukuhkan sebagai warisan kepada pewaris muda pada kini dan akan datang tanpa mengira kaum.

Tarian Bharatanatyam ini merupakan satu gaya tarian India. Tarian Bharatanatyam adalah salah satu tarian kuno memerlukan bertahun-tahun untuk menguasainya, kerana anda mesti mempelajari semua jenis gerakan tangan, kaki dan mata untuk menunjukkan sepenuhnya tarian tradisional kuno yang mulia ini, dan penuh dengan kemuliaan.

Dalam kajian ini, kami menjalankan kajian tarian yang lebih mendalam yang dilakukan oleh masyarakat Malaysia iaitu kaum India. Keunikan kepercayaan masyarakat Malaysia dalam tarian dipersembahkan dapat boleh

belajar dan menghargai dari kajian yang kami jalankan. Utamakan sejarah asal usul tarian, pakaian, alat muzik yang digunakan dalam tarian ini. Kepentingan penyelidikan ini dilakukan agar kita dapat memahami dan menghormati kepercayaan, budaya dan seni setiap suku di Malaysia. Di samping itu, kami mengesyorkan agar pihak berkuasa terus mempertahankan tarian ini agar dapat diamalkan untuk anak muda pada masa hadapan. Sebagai pewaris muda yang mementingkan seni dan budaya, kami berharap agar generasi muda hari ini dapat belajar dan menghayati tarian tradisional ini dengan cara ini, identiti unik masyarakat Malaysia dapat dikekalkan dan dibanggakan untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

Bhanumathi, K. N. (2019). *Bharata Natyam training at The Temple of Fine Arts: Pre arangeetram, arangeetram and post-arangeetram/Bhanumathi K Nadson* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Bharata Natyam - Seni dan Budaya Malaysia. (n.d.). Retrieved December 16, 2020, from <https://sites.google.com/site/senidanbudayamalaysia/bharata-natyam>.

Bubblebeam. (2014, April 24). 5 Malaysian legends and folk tales perfect for Disney. Retrieved December 26, 2020, from <http://www.thehive.asia/2014/04/5-malaysian-legends-and-folk-tales.html>.

Deepavali: Mengenal Tarian Tradisional India. (2020, February 21). Retrieved November 12, 2020, from <https://www.jobstore.com/careers-blog/2019/10/21/deepavali-mengenal-tarian-tradisional-india/>.

Di sebalik tarian klasik Bharatanatyam. (2020, April 10). Retrieved December 12, 2020, from <https://katamalaysia.my/culture/di-sebalik-tarian-klasik-bharatanatyam/>.

K. (2016, January 26). Bharatha natyam. Retrieved January 6, 2021, from January 26, 2., Apps, S., February 16, 2., Comment, P., More, R., & April 29, 2. (n.d.). BHARATHA NATYAM. Retrieved January 06, 2021, from <https://thedreamsmaycometrueoneday.blogspot.com/2016/01/bharatha-natyam.html>.

- Karnaen, Y. (1970, January 01). Analisis Tari Bharatanatyam dan Musik Iringan Pada Upacara Thaipusam Masyarakat Tamil di Kota Binjai. Retrieved December 12, 2020, from <http://repositori.usu.ac.id/handle/123456789/5477>.
- SB, U. (1970, January 01). Bharatanatyam. Retrieved December 12, 2020, from <http://uthayasb.blogspot.com/2010/05/bharatanatyam.html>.
- Siti Rafidah Gimin. (n.d.). Alat-alat Muzik Masyarakat India. Retrieved January 9, 2021, from <http://rafidah-maribelajar.blogspot.com/2011/12/alat-alat-muzik-masyarakat-india.html>.
- Srinivas, P., & Srinivas, P. (2018, August 27). Essay on Trees in 10 Lines, Trees Benefits, Releases India the Destiny. Retrieved January 06, 2021, from <https://indiathedestiny.com/india-society/costumbharatanatyam-costume/es/>.
- Tarian Kaum India. (1970, January 01). Retrieved December 16, 2020, from <http://tariankaumindia.blogspot.com/2016/09/masyarakat-india-pengenalan-masyarakat.html>.
- Thiagarajan, P. (2011). Bharatanatyam in Malaysia. Retrieved December 16, 2020, from https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=Mjk2MDA%3D.
- Thiviya, A. (1970, January 01). Eksperimentasi Visual: Ekspresi Pergerakan Kaki Yang Bergelang Salangai Dalam Tarian Bharata Natyam. Retrieved December 12, 2020, from <https://ir.unimas.my/id/eprint/28974/>.
- Yosie, K. (2017). Analisis Tari Bharatanatyam dan Musik Iringan Pada Upacara Thaipusam Masyarakat Tamil di Kota Binjai. Retrieved December 12, 2020, from <http://repositori.usu.ac.id/bitstream/handle/123456789/5477/130707041.pdf?sequence=1&isAllowed=y>.